



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

HURAIAN SUKATAN PELAJARAN
KURIKULUM BERSEPADU SEKOLAH RENDAH

KELAS PERALIHAN

AMALAN
BAHASA MELAYU



PUSAT PERKEMBANGAN KURIKULUM

KANDUNGAN

Rukun Negara	vii
Falsafah Pendidikan Kebangsaan	ix
Kata Pengantar	xi
Pendahuluan	1
Matlamat	1
Objektif	1
Organisasi Kurikulum	2
Penerangan Tentang Huraian Sukatan Pelajaran	2
Strategi Pengajaran dan Pembelajaran	5
Pengisian Kurikulum	6
Tajuk Pelajaran	
1. Sekolahku	9
2. Mengenal Makmal Sains Sekolah	10
3. Bermain Congkak	11
4. Penyenggaraan Kereta	12
5. Rumahku, Keluargaku	14
6. Sehari Di Zoo Negara	16
7. Permainan Angka	18
8. Keceriaan Sekolah	19
9. Siratan Makanan	20
10. Taman Permainan	21

11.	Bandar Raya Kita	22
12.	Haiwan Kesayanganku	23
13.	Reka Cipta	24
14.	Tanaman Hiasan	25
15.	Menghargai Kemudahan Awam	26
16.	Keistimewaan Manusia	27
17.	Lakukan Sendiri	28
18.	Asas Perniagaan	29
19.	Masyarakat Penyayang	31
20.	Tumbuh-Tumbuhan dan Keindahan Alam	32
21.	Mari Kita Cari	34
22.	Tenaga Elektrik	35
23.	Negara Indah Permai	36
24.	Litar Elektrik	37
25.	Pasar Raya	38
26.	Mesin	39
27.	Keselamatan Diutamakan	40
28.	Perkhidmatan Pos	42
29.	Sistem Raja Berperlembagaan	43
30.	Sumber Semula Jadi	44
31.	Persatuan Pengguna	45
32.	Hari Kantin	46
33.	Kesetiaan Kepada Negara	47
34.	Keunikan Haba dan Cahaya	48

35.	Kenali Diri dan Rakan Sebaya	49
36.	Zaman Kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka	50
37.	Perubahan Bentuk Air	52
38.	Hari Lahir	53
39.	Pejuang Kemerdekaan Tanah Air	54
40.	Makanan dan Rasanya	55
41.	Sukan Mini	57
42.	Seni Warisan Bangsa	58
43.	Pengawetan Bahan Makanan	59
44.	Ukuran Gelanggang	60
45.	Memelihara dan Memulihara Sumber Negara	61
46.	Bahan dan Manusia	63
47.	Menabung	64
48.	Malaysia Maju dan Makmur	65
49.	Perjalanan dengan Kereta Api	66
50.	Bangunan dan Strukturnya	67
51.	Kejayaan Ekonomi Malaysia	68
52.	Bumi Kita	69
53.	Sistem Suria	70
54.	Malaysia di Arena Antarabangsa	71
55.	Gerhana	72
56.	Markah Peperiksaan	73

RUKUN NEGARA

BAHAWASANYA negara kita Malaysia mendukung cita-cita untuk mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya; memelihara satu cara hidup demokratik; mencipta masyarakat yang adil bagi kemakmuran negara yang akan dapat dinikmati bersama secara adil dan saksama; menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaan yang kaya dan berbagai-bagai corak; membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden;

MAKA KAMI, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan prinsip-prinsip berikut :

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA

KELUHURAN PERLEMBAGAAN

KEDAULATAN UNDANG-UNDANG

KESOPANAN DAN KESUSILAAN

FALSAFAH PENDIDIKAN KEBANGSAAN

Pendidikan di Malaysia adalah suatu usaha berterusan ke arah memperkembang potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bertujuan untuk melahirkan warganegara Malaysia yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggungjawab, dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberikan sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran keluarga, masyarakat, dan negara.

Kata Pengantar

Huraian Sukatan Pelajaran ialah dokumen yang memperincikan Sukatan Pelajaran yang bertujuan untuk memenuhi cita-cita murni dan semangat Falsafah Pendidikan Kebangsaan, dan menyediakan murid menghadapi arus globalisasi serta ekonomi berasaskan pengetahuan pada abad ke-21.

Dokumen ini menyarankan strategi pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai aktiviti dan penggunaan sumber. Guru digalakkan menggunakan kreativiti untuk memilih, menyusun dan mengolah aktiviti mengikut kesesuaian murid. Huraian ini diharapkan dapat membantu guru merancang dan melaksanakan pengajaran dan pembelajaran secara berkesan.

Dalam melakukan aktiviti pengajaran dan pembelajaran, guru diharapkan dapat memberikan penekanan pada unsur bernilai tambah, iaitu kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran secara konstruktivisme, dan pembelajaran secara kontekstual. Di samping itu, nilai murni dan semangat patriotik dan kewarganegaraan tetap diutamakan. Semua elemen ini diharapkan dapat memberikan keyakinan kepada murid dan boleh diaplikasikan dalam kehidupan harian dan dunia pekerjaan.

Huraian Sukatan Pelajaran Amalan Bahasa Melayu Kelas Peralihan menjelaskan hasil pembelajaran yang perlu dikuasai oleh murid berasaskan pendekatan masteri. Hasil pembelajaran tersebut dinyatakan secara eksplisit mengikut aras kesukaran isi kandungan dan tahap keupayaan murid melalui pernyataan dalam Huraian Hasil Pembelajaran. Pernyataan tersebut memberikan cabaran yang sesuai dengan murid dalam pendidikan sekolah menengah agar dapat melahirkan murid yang berketerampilan menggunakan bahasa Melayu baku.

Kandungan Huraian Sukatan Pelajaran Amalan Bahasa Melayu Kelas Peralihan merupakan perincian sukatan pelajaran yang menjadi sumber rujukan utama guru untuk membuat perancangan pengajaran dan pembelajaran yang teratur dan kemas.

Dalam menyediakan Huraian Sukatan Pelajaran yang disemak semula ini banyak pihak yang terlibat terutama guru, pensyarah maktab dan universiti, pegawai Kementerian Pendidikan, dan individu yang mewakili badan-badan tertentu.

Kepada semua pihak yang telah memberikan sumbangan kepakaran, masa, dan tenaga sehingga terhasilnya Huraian Sukatan Pelajaran ini, Kementerian Pendidikan merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih.



(Dr. SHARIFAH MAIMUNAH BT. SYED ZIN)

Pengarah
Pusat Perkembangan Kurikulum
Kementerian Pendidikan Malaysia.

PENDAHULUAN

Amalan Bahasa Melayu merupakan satu mata pelajaran yang mula dilaksanakan pada tahun 1989. Subjek ini dirancang khas bagi kelas peralihan untuk membolehkan murid menguasai istilah bahasa Melayu dan kecekapan berbahasa. Pengetahuan tentang istilah dan laras bahasa dalam bidang Sains, Matematik, Kemahiran Hidup dan Kajian Tempatan merupakan teras program Amalan Bahasa Melayu. Keempat-empat bidang berkenaan telah dipelajari oleh murid semasa mereka belajar di sekolah rendah sama ada SJK (C) dan SJK (T).

Mata pelajaran ini memberi penekanan pada penggunaan dan penguasaan istilah, kata umum, dan laras bahasa ilmu sebagai persediaan murid ke Tingkatan 1. Oleh sebab bahasa Melayu merupakan bahasa pengantar pada peringkat sekolah menengah, murid kelas peralihan perlu diberi pendedahan yang cukup untuk menggunakan bahasa Melayu dengan berkesan dalam pelbagai pengalaman pembelajaran supaya mereka lebih bersedia dan yakin pada peringkat menengah. Mata pelajaran Amalan Bahasa Melayu ini diperuntukkan sebelas w aktu seminggu.

Huraian Sukatan Pelajaran Amalan Bahasa Melayu Kelas Peralihan merupakan perincian kepada kandungan Sukatan Pelajaran Amalan Bahasa Melayu Kelas Peralihan dan berfungsi sebagai panduan untuk guru dalam pengajaran dan pembelajaran. Huraian sukatan pelajaran ini mengandungi Matlamat, Objektif, Organisasi Kandungan, Penerangan tentang Huraian Sukatan Pelajaran, dan Strategi Pengajaran dan Pembelajaran. Organisasi Kandungan merangkumi Penggunaan Bahasa, Kemahiran Bahasa, Hasil Pembelajaran, dan Pengisian Kurikulum.

MATLAMAT

Matlamat program Amalan Bahasa Melayu Kelas Peralihan adalah untuk melengkapkan dan membolehkan murid mencapai tahap kecekapan berbahasa yang baik dan berkesan dari aspek penguasaan, penggunaan dan pengukuhan bahasa Melayu khususnya dalam pelbagai bidang ilmu dan kehidupan harian yang dipelajari dalam bahasa ibunda semasa berada di sekolah rendah serta membantu memupuk semangat patriotik dan menghayati nilai murni masyarakat Malaysia.

Di samping penguasaan bahasa, pengajaran dan pembelajaran Amalan Bahasa Melayu juga dilaksanakan sebagai satu langkah menggalakkan murid mengamalkan dan mengaplikasikan segala pengetahuan dan kemahiran yang telah mereka pelajari. Keadaan ini juga dapat membantu murid mengikuti pelajaran lebih mudah apabila meneruskan pengajian di Tingkatan 1.

OBJEKTIF MATA PELAJARAN AMALAN BAHASA MELAYU KELAS PERALIHAN -

Pada akhir program Amalan Bahasa Melayu murid dapat:

- i. Mempelajari, memahami dan menggunakan istilah dan kata umum dalam bahasa Melayu yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dengan tepat dalam pelbagai konteks dan situasi;
- ii. Mengemukakan maklumat dengan tepat dalam bahasa Melayu secara lisan dan tulisan;

- iii. Berinteraksi dengan baik dalam bahasa Melayu di dalam dan di luar bilik darjah; dan
- iv. Mengamalkan nilai murni dan semangat patriotik.

ORGANISASI KANDUNGAN

Kandungan Huraian Sukatan Pelajaran Amalan Bahasa Melayu Kelas Peralihan ini meliputi Kemahiran Bahasa, Hasil pembelajaran, dan elemen Pengisian Kurikulum. Semua perkara ini dinyatakan di bawah:

Kemahiran Bahasa

Kemahiran bahasa dalam pengajaran dan pembelajaran Amalan Bahasa Melayu lebih difokuskan kepada kemahiran pemahaman dan penguasaan bahasa Melayu murid. Kemahiran berkaitan adalah berdasarkan tajuk pelajaran yang dipilih daripada beberapa pengalaman pembelajaran yang pernah dilalui oleh murid semasa berada di sekolah rendah merangkumi pengetahuan Sains, Matematik, Kemahiran Hidup, dan Kajian Tempatan.

Sukatan ini mengandungi 56 tajuk pelajaran dan dicadangkan dua tajuk pelajaran diajarkan pada setiap minggu. Tajuk yang dipilih adalah berkaitan dengan ilmu pengetahuan yang telah murid pelajari di SJK (C) atau di SJK (T). Selain daripada itu, keempat-empat kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis perlu dititikberatkan dalam pengajaran dan pembelajaran setiap tajuk pelajaran.

PENERANGAN TENTANG HURAIAN SUKATAN PELAJARAN

Huraian Sukatan Pelajaran Amalan Bahasa Melayu Kelas Peralihan dipersembahkan dalam tiga lajur. Lajur pertama mengandungi pernyataan Hasil Pembelajaran seperti yang terdapat dalam Sukatan Pelajaran Amalan Bahasa Melayu kelas peralihan. Lajur kedua memuatkan Huraian Hasil Pembelajaran, dan lajur ketiga mengandungi Cadangan Aktiviti/Teknik.

Pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Amalan Bahasa Melayu memberikan tumpuan pada murid untuk menguasai hasil pembelajaran. Hasil pembelajaran ini terdiri daripada tajuk yang merangkumi keempat-empat bidang yang berkaitan dan juga beberapa aspek kemahiran berbahasa yang perlu dikuasai oleh murid.

b. Huraian Hasil Pembelajaran

Huraian Hasil Pembelajaran dalam lajur 2 menyatakan secara jelas aras kemahiran yang perlu dicapai oleh murid mengikut tahap keupayaan dan kemajuan mereka sama ada pada Aras 1, Aras 2, atau Aras 3. Pernyataan Aras 1 hingga Aras 3 dalam Huraian Hasil Pembelajaran ialah perincian bagi hasil pembelajaran. Pemeringkatan berdasarkan aras ini sejajar dengan pembelajaran masteri dan membolehkan murid yang cemerlang terus maju tanpa mengabaikan murid yang berprestasi rendah.

c. Cadangan Aktiviti/ Nota

Cadangan Aktiviti/Nota dalam lajur 3 mengandungi cadangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran serta bahan bantu belajar di bilik darjah. Cadangan tersebut disesuaikan dengan Huraian Hasil Pembelajaran serta mengambil kira elemen yang terkandung dalam pengisian kurikulum, contohnya kemahiran meramal dan membuat pilihan menggunakan kajian masa depan dan jenis kecerdasan pelbagai yang unik bagi seseorang murid.

Semua cadangan ini hanyalah sebagai panduan untuk guru. Guru boleh mengubah suai atau memilih teknik atau aktiviti lain yang sesuai dengan kebolehan murid.

d. Kosa Kata istilah dan Kata Umum

Kosa kata istilah dan kata umum yang perlu dipelajari oleh murid ada disediakan pada setiap tajuk pelajaran.

Paparan Contoh Huraian Sukatan Pelajaran

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>1. Sekolahku</p> <p>i. Menyebut dan menggunakan istilah dalam konteks.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyebut dan mengeja istilah dengan betul.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Mengumpul maklumat tentang latar belakang sekolah daripada buku tahunan sekolah.
<p>Hasil Pembelajaran</p> <p>Tajuk Pelajaran</p>	<p>Kemahiran Berbahasa</p>	<p>Cadangan aktiviti pengajaran dan pembelajaran</p>

STRATEGI PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

a. Pendekatan Berpusatkan Murid

Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan Amalan Bahasa Melayu haruslah berpusatkan murid bagi membolehkan mereka berinteraksi dan menguasai kemahiran belajar melalui pengalaman sendiri. Oleh itu, murid dapat membina keyakinan berbahasa. Pendekatan berpusatkan murid selari dengan pembelajaran masteri yang menekankan keperluan memastikan murid menguasai hasil pembelajaran yang ditetapkan. Melalui pembelajaran masteri murid diberi peluang untuk maju mengikut kadar keupayaan mereka sendiri. Dalam hal ini aktiviti penilaian, pemulihan, dan pengayaan perlu dijadikan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran.

b. Kepelbagaian Teknik

Pendidikan Amalan Bahasa Melayu Kelas Peralihan menggalakkan penggunaan pelbagai kaedah mengajar. Guru boleh memilih pendekatan, kaedah serta teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan kebolehan murid. Kaedah dan teknik perbincangan, simulasi, projek, dan inkuri berasaskan pembelajaran kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, dan konstruktivisme umpamanya, meningkatkan minat murid terhadap pelajaran. Keberkesanan pengajaran bergantung pada pengolahan teknik, serta penggunaan bahan bantu dan teknologi yang dapat merangsang dan menggalakkan murid berfikir secara kritis dan kreatif, berkomunikasi dan berinteraksi.

c. Kepelbagaian Sumber dan Bahan

Penggunaan perpustakaan, pusat sumber dan komputer sangatlah digalakkan dalam pengajaran dan pembelajaran Amalan Bahasa Melayu. Bahan-bahan seperti akhbar, majalah, buku rujukan, kamus, bahan daripada internet, perisian kursus, serta bahan sastera dan bukan sastera hendaklah digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran dan untuk bacaan luas.

d. Pengajaran dan Pembelajaran Bertema

Pendekatan bertema amat diigalakkan dalam pengajaran bahasa. Melalui pengajaran dan pembelajaran bertema, kemahiran bahasa dan pengembangan kosa kata dapat disepadukan dan dikukuhkan. Di samping itu, ilmu daripada mata pelajaran dan disiplin lain lebih mudah diserapkan. Bagi tujuan ini, guru perlu merancang dan menentukan tema bagi pengajarannya yang meliputi bidang ilmu, hal persendirian dan kemasyarakatan, serta isu semasa.

e. Bacaan Luas

Bacaan luas memberikan peluang kepada murid untuk menimba ilmu pengetahuan dan membentuk sahsiah yang baik bagi meningkatkan daya berfikir dan minat ingin terus membaca. Bacaan luas boleh dijalankan dalam pendidikan Amalan Bahasa Melayu dengan menggunakan bahan-bahan ilmiah yang berkaitan dan bersesuaian.

f. Penilaian

Penilaian merupakan sebahagian daripada proses penting dalam pengajaran dan pembelajaran. Melalui penilaian yang berterusan, guru dapat memastikan tindakan susulan yang perlu diambil terhadap seseorang murid sama ada dalam bentuk aktiviti pemulihan atau pengayaan.

g. Pemulihan

Aktiviti pemulihan disediakan untuk membantu murid menguasai hasil pembelajaran yang belum dicapai. Aktiviti ini dilaksanakan mengikut kadar kemampuan murid.

h. Pengayaan

Aktiviti pengayaan perlu diberikan penekanan kerana murid berbeza tahap kebolehan, keupayaan, bakat, dan minat murid yang menguasai hasil pembelajaran lebih awal atau dalam jangka masa yang ditetapkan diberikan aktiviti atau tugasan yang lebih mencabar.

PENGISIAN KURIKULUM

Elemen dalam pengisian kurikulum ialah ilmu, nilai murni, kewarganegaraan, peraturan sosiobudaya, dan kemahiran bernilai tambah. Semua elemen ini diserapkan dalam konteks bagi ketiga-tiga bidang yang terdapat dalam penggunaan bahasa. Penerangan ringkas bagi setiap pengisian ini adalah seperti yang berikut:

a. Ilmu

Ilmu merangkumi pelbagai bidang ilmu dan disiplin, contohnya ilmu sains dan geografi yang boleh digunakan untuk memperkembang ilmu bahasa dan kemahiran bahasa. Ilmu pengetahuan ini juga termasuk perkara semasa yang boleh dipertimbangkan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran.

b. Nilai Murni

Penyerapan nilai murni dalam pendidikan Amalan Bahasa Melayu adalah untuk melahirkan insan yang baik serta memiliki akhlak mulia. Selain itu, penghayatan dan amalan nilai murni bertujuan untuk membentuk generasi muda yang berhemah tinggi dan berperibadi mulia. Pemahaman dan kesedaran tentang nilai murni masyarakat Malaysia harus dipupuk dengan terancang sama ada secara langsung atau tidak langsung dan dilanjutkan di peringkat antarabangsa selaras dengan tuntutan nilai sejagat.

Nilai murni ini ialah:

- Baik hati
- Berdikari
- Hemah tinggi
- Hormat-menghormati
- Kasih sayang
- Keadilan
- Kebebasan
- Keberanian
- Kebersihan fizikal dan mental
- Kejujuran
- Kerajinan
- Kerjasama
- Kesederhanaan
- Kesyukuran
- Patriotisme
- Rasional
- Semangat bermasyarakat

c. Kewarganegaraan

Penyerapan unsur patriotisme dan kewarganegaraan dalam pendidikan Amalan Bahasa Melayu mengutamakan pemupukan semangat cinta dan taat kepada tanah air. Pemupukan unsur ini bertujuan untuk melahirkan warganegara yang baik dan meningkatkan komitmen terhadap bangsa dan negara.

d. Peraturan Sosiobudaya

Peraturan sosiobudaya dalam pendidikan Amalan Bahasa Melayu meliputi kesantunan bahasa, laras bahasa, dan peribahasa. Peraturan ini mencerminkan falsafah dan keperibadian masyarakat Malaysia.

e. Kemahiran Bernilai Tambah

Kemahiran bernilai tambah mengutamakan pengalaman di bilik darjah sesuai dengan situasi kehidupan dunia sebenar murid serta senario dunia yang global. Kemahiran bernilai tambah yang dimaksudkan ialah kemahiran berfikir, kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi, kemahiran belajar cara belajar, kajian masa depan, kecerdasan pelbagai, pembelajaran konstruktivisme dan pembelajaran kontekstual. Penerangan ringkas tentang kemahiran bernilai tambah adalah seperti yang berikut:

i. Kemahiran Berfikir

Kemahiran berfikir diajarkan kepada murid melalui soalan dan aktiviti yang memerlukan pemikiran kritis dan kreatif dalam aktiviti mendengar, bertutur, membaca, dan menulis. Kemahiran berfikir sama ada dari segi mengkonsepsikan idea, menyelesaikan masalah, atau membuat keputusan adalah penting dalam kehidupan harian dan kerjaya murid pada masa depan.

ii. Kemahiran Teknologi Maklumat dan Komunikasi

Kemahiran teknologi maklumat dan komunikasi perlu diajarkan kepada murid supaya mereka boleh menggunakan komputer untuk tujuan komunikasi seperti menghantar dan menerima e-mel, menggunakan aplikasi perisian dalam menyempurnakan tugas harian, dan memperoleh maklumat melalui internet.

iii. Kemahiran Belajar Cara Belajar

Kemahiran belajar cara belajar perlu diajarkan kepada murid supaya mereka peka terhadap teknik pembelajaran yang berkesan. Penguasaan kemahiran ini membolehkan murid meningkatkan pengetahuan, cekap bertindak untuk menghadapi dunia yang sering berubah, dan mengamalkan pembelajaran seumur hidup.

iv. Kajian Masa Depan

Kajian masa depan ialah satu pendekatan pengajaran untuk mendidik murid agar lebih prihatin terhadap sesuatu perkara atau isu yang berlaku pada masa lampau, masa kini, dan masa depan. Ini bermakna murid dapat membuat ramalan, menjangka akibat, serta mengendalikan perubahan supaya murid dapat manfaat yang maksimum.

v. Kecerdasan Pelbagai

Kecerdasan pelbagai merangkumi kecerdasan verbal-linguistik, logik-matematik, muzik, kinestetik, visual-ruang, interpersonal, intrapersonal, dan naturalis. Oleh itu, guru perlu mengembangkan potensi kecerdasan murid dengan menyediakan gaya pembelajaran yang sesuai dengan minat dan kecenderungan mereka kerana setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang berbeza.

vi. Pembelajaran Konstruktivisme

Pembelajaran konstruktivisme dalam pendidikan dapat melahirkan murid yang boleh membina pemahaman dan pengetahuan baru mereka sendiri berdasarkan pengetahuan dan pengalaman sedia ada. Pembelajaran ini menjadikan murid lebih faham, yakin, dan seronok untuk belajar sepanjang hayat.

vii. Pembelajaran Kontekstual

Pembelajaran kontekstual ialah kaedah pembelajaran yang mengaitkan isi pelajaran dengan pengalaman harian murid, masyarakat, dan alam pekerjaan. Pembelajaran ini disampaikan dalam persekitaran yang pelbagai, secara konkrit, serta melibatkan latihan amal dan berfikir. Pembelajaran berlaku apabila murid berupaya menghubungkan pengetahuan baru secara bermakna dan menghayati kerelevanan pembelajaran dengan kehidupan mereka.

Kosa kata istilah dan kata umum yang perlu dipelajari oleh murid:

peta, lokasi, pelan, visi, misi, piagam, logo, moto, lencana, identiti, imej, pengetua, pengawas, disiplin, pusat sumber, makmal, bengkel, surau, perpustakaan, papan kenyataan, gelanggang, kurikulum, perhimpunan, kokurikulum, persatuan, aktiviti, kelab, Persatuan Ibu Bapa dan Guru, hari sukan, hari ucapan, takwim, persekolahan, penggal, perhimpunan, interaksi, keceriaan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>1. Sekolahku</p> <p>i. Menyebut dan menggunakan istilah dalam konteks;</p> <p>ii. Memerihalkan sejarah dan identiti sekolah; dan</p> <p>iii. Memerihalkan aktiviti utama sekolah.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyebut dan mengeja istilah dengan betul.</p> <p>ii. Menyatakan sejarah sekolah, moto dan simbol pada lencana sekolah.</p> <p>iii. Menyatakan aktiviti utama sekolah.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menerangkan sejarah sekolah, moto dan simbol pada lencana sekolah.</p> <p>ii. Menerangkan kepentingan aktiviti utama sekolah.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Menjelaskan sejarah sekolah, moto dan simbol pada lencana sekolah.</p> <p>ii. Menjelaskan kepentingan aktiviti utama sekolah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengumpul maklumat tentang latar belakang sekolah daripada buku tahunan sekolah. • Melaporkan aktiviti utama sekolah Contoh: Hari Sukan, Perayaan Hari Guru • Menghasilkan buku skrap yang mengandungi maklumat tentang sejarah sekolah, carta organisasi, lagu, lencana, cogan kata dan aktiviti sekolah.

Kosa kata istilah dan kata umum yang perlu dipelajari oleh murid:

radas, silinder penyukat, bikar, tabung uji, kelalang kon, penunu bunsen, jam randik, termometer, merkuri, tiub kapilari, suhu, celsius, isi padu, cecair, berat, luas, panjang, mililiter, suis.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>2. Mengenal Makmal Sains Sekolah</p> <p>i. Menyebut dan menggunakan istilah dalam konteks;</p> <p>ii. Menyatakan peraturan di makmal sains sekolah;</p> <p>iii. Mengenal dan menyebut alat yang terdapat di makmal sains sekolah; dan</p> <p>iv. Menerangkan kegunaan dan cara menggunakan alat sains.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyebut dan mengeja istilah dengan betul.</p> <p>ii. Menyatakan peraturan di makmal sains.</p> <p>iii. Menyatakan alat yang terdapat di makmal sains.</p> <p>iv. Menyatakan kegunaan dan cara menggunakan alat sains</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menerangkan peraturan di makmal sains.</p> <p>ii. Menerangkan alat yang terdapat di makmal sains.</p> <p>iii. Menerangkan kegunaan dan cara menggunakan alat sains.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Menerangkan peraturan di makmal sains.</p> <p>ii. Menerangkan alat yang terdapat di makmal sains.</p> <p>iii. Menerangkan kegunaan dan cara menggunakan alat sains.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bersoal jawab untuk menerangkan peraturan di makmal sains sekolah. • Melawat makmal sains sekolah. • Menunjuk cara bagaimana menggunakan peralatan sains. Contoh: jam randik, termometer, bikar, tabung uji, selinder penyukat

Kosa kata istilah dan kata umum yang perlu dipelajari oleh murid:

nombor, angka, digit, sifar, sa, puluh, ratus, ribu, puluh ribu, ratus ribu, juta, nombor bulat, tambah, pengurangan, darab, bahagi, baki, beza, banding, gandaan, cerakin, anggar, simbol, operasi, bergabung, kuantiti, bundar, tertib menaik, tertib menurun.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>3. Bermain Congkak</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyebut dan menggunakan istilah dalam konteks; ii. Mengenal dan menyebut nombor serta simbol operasi; iii. Menyatakan dan menggunakan operasi mengira dalam bentuk simbol dan perkataan; dan iv. Memerihalkan nombor dan simbol. 	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyebut dan mengeja istilah dengan betul. ii. Menyatakan nombor dan operasi nombor dengan betul. iii. Menyatakan operasi nombor sehingga empat digit. iv. Menyatakan dan menyelesaikan masalah operasi nombor sehingga empat digit. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menerangkan operasi nombor sehingga lima digit. ii. Menerangkan dan menyelesaikan masalah operasi nombor sehingga lima digit. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menjelaskan operasi nombor enam digit ke atas. ii. Menjelaskan dan menyelesaikan masalah operasi enam digit ke atas. 	<ul style="list-style-type: none"> • Merujuk kamus untuk mendapatkan makna kata istilah atau kata umum. Contoh: cerakin, kuantiti • Permainan menyusun kad (nombor/ simbol/perkataan) untuk membentuk kumpulan nombor bagi menjalankan operasi mengira sehingga tujuh digit dan menyatakannya dalam perkataan. • Menyelesaikan masalah operasi mengira sehingga tujuh digit.

Kosa kata istilah dan kata umum yang perlu dipelajari oleh murid:

manual, komponen, alatan tangan, kotak alatan tangan, alatan ganti, jenis pengikat dan pencantum, sesendal, spanar boleh laras, spanar hujung terbuka, playar gabung, playar muncung tirus, skru, pemutar skru philip, pemutar skru rata, kekunci allen, penyenggaraan, kerja praktis, meminyak, bonet, tayar, enjin, cermin sisi.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>4. Penyenggaraan Kereta</p> <p>i. Menyebut dan menggunakan istilah dalam konteks;</p> <p>ii. Menyatakan alatan tangan untuk kerja penyenggaraan mesin ringkas;</p> <p>iii. Mengenal pasti alatan tangan dan kegunaannya untuk kerja penyenggaraan; dan</p> <p>iv. Memerihalkan cara penyenggaraan mesin ringkas.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyebut dan mengeja istilah dengan betul.</p> <p>ii. Menyatakan jenis alatan tangan untuk kerja penyenggaraan.</p> <p>iii. Menyatakan alatan tangan yang sesuai untuk kerja penyenggaraan.</p> <p>iv. Menyatakan cara penyenggaraan mesin mudah.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menerangkan jenis alatan tangan dan kegunaannya untuk kerja penyenggaraan.</p> <p>ii. Menerangkan alatan tangan yang sesuai untuk kerja penyenggaraan mesin mudah.</p> <p>iii. Menerangkan cara penyenggaraan mesin mudah.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti alatan tangan penyenggaraan kereta di makmal Kemahiran Hidup sekolah. • Menama, menyebut, dan melabel bahagian enjin dan komponen kereta. • Menceritakan cara menggunakan alatan tangan untuk menyenggara enjin. • Mengumpul bahan yang berkaitan dengan kereta atau enjin kereta untuk dimuatkan dalam buku skrap.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none">i. Menjelaskan kegunaan jenis alatan tangan dan kegunaannya untuk kerja penyenggaraan.ii. Menjelaskan alatan tangan yang sesuai untuk kerja penyenggaraan mesin mudah.iii. Menjelaskan cara penyenggaraan mesin mudah.	<ul style="list-style-type: none">• Menunjukkan cara dan gaya sebenar menyenggara kereta beserta alatan tangan berkaitan. <p>Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none">- cara menggunakan spanar boleh laras untuk membuka dan memasang tayar.

Kosa kata istilah dan kata umum yang perlu dipelajari oleh murid:

rumah tradisional, rumah moden, rumah melaka, rumah minangkabau, rumah panjang, rumah bagan, rumah rakit, rumah teres, rumah pangsa, kondominium, rumah sebandung, ruang tetamu, ruang makan, bilik tidur, bilik mandi, dapur, lokasi, keperluan asas, persekitaran, pengudaraan, perlindungan, keselesaan, saluran, salasilah, keluarga asas, bapa, ibu, kakak, abang, adik, keluarga kembangan, datuk, nenek, cucu, bapa saudara, emak saudara, sepupu, ipar, biras, zuriat, komuniti, majlis kejiranan, timbang rasa, tolak ansur, toleransi.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>5. Rumahku, Keluargaku</p> <p>i. Menyebut dan menggunakan istilah dalam konteks;</p> <p>ii. Menyatakan jenis rumah dan lokasi;</p> <p>iii. Mengenal pasti dan menyatakan hubungan kekeluargaan dan salasilah keluarga; dan</p> <p>iv. Memerihalkan suatu aktiviti di rumah yang mengeratkan hubungan kekeluargaan.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyebut dan mengeja istilah dengan betul.</p> <p>ii. Menyatakan jenis rumah tradisional dan rumah moden.</p> <p>iii. Menyatakan panggilan keluarga asas dan keluarga kembangan.</p> <p>iv. Menyatakan aktiviti yang mengeratkan hubungan kekeluargaan.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menerangkan jenis rumah tradisional dan rumah moden.</p> <p>ii. Menerangkan keistimewaan anggota keluarga asas dan keluarga kembangan.</p> <p>iii. Menerangkan aktiviti yang mengeratkan hubungan kekeluargaan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Merujuk brosur atau iklan penjualan rumah untuk mengenal pasti jenis rumah. • Menceritakan pertalian kekeluargaan dengan menggunakan carta salasilah keluarga. • Membuat simulasi aktiviti di rumah menunjukkan amalan interaksi yang mesra dalam keluarga. • Membuat buku skrap tentang jenis rumah, lokasi, fungsi ruang rumah dan pelan rumah.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none">i. Menjelaskan kesesuaian jenis rumah dengan lokasi.ii. Menjelaskan tanggungjawab keluarga asas dan keluarga kembangan.iii. Menjelaskan aktiviti yang mengeratkan hubungan kekeluargaan.	<ul style="list-style-type: none">• Bersoal jawab tentang jenis rumah dan lokasi rumah berkenaan dibina. <p>Contoh: Nyatakan jenis rumah dan lokasinya;</p> <ul style="list-style-type: none">- rumah tradisional di kampung.- rumah moden di pekan.- rumah melaka di Melaka- rumah minangkabau di Negeri Sembilan- rumah panjang di Sarawak <ul style="list-style-type: none">• Melakonkan aksi sebagai abang, kakak, dan adik bertutur tentang aktiviti dan perkara yang dapat mengeratkan hubungan kekeluargaan.

Kosa kata istilah dan kata umum yang perlu dipelajari oleh murid:

mengelaskan, reptilia, mamalia, amfibia, ikan, burung, serangga, sifat fizikal, berbulu, bersisik, bercengkerang, ciri haiwan, bertelur, beranak, mengengsot, menyusur, mengitlak, spesies, rantai makanan, perkumuhan, pembiakan, bergerak balas, interaksi antara hidupan, habitat, tabiat haiwan.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>6. Sehari Di Zoo Negara</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyebut dan menggunakan istilah dalam konteks; ii. Menerangkan sifat fizikal haiwan; iii. Menerangkan ciri-ciri haiwan; iv. Menerangkan ciri-ciri khas haiwan untuk melindungi diri; dan v. Menyatakan kepentingan haiwan. 	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyebut dan mengeja istilah dengan betul. ii. Menyebut nama haiwan. iii. Menyatakan sifat fizikal haiwan. iv. Menyatakan ciri-ciri asas dan ciri-ciri khas haiwan untuk melindungi diri. v. Menyatakan kepentingan haiwan. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Membezakan haiwan berdasarkan sifat fizikal. ii. Membezakan haiwan berdasarkan ciri-cirinya. iii. Menerangkan ciri-ciri khas haiwan untuk melindungi diri. iv. Menerangkan kepentingan haiwan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Berbincang tentang sifat fizikal dan ciri-ciri haiwan berdasarkan tayangan video “National Geographic”. Contoh: <ul style="list-style-type: none"> i) Sifat fizikal; berbulu, berkaki empat ii) Ciri-ciri haiwan, iaitu: <ul style="list-style-type: none"> a) Litupan badan b) Habitat c) Tabiat makan d) Anggota badan e) Cara membiak

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
	<p>Aras 3</p> <ol style="list-style-type: none">i. Mengklasifikasikan haiwan berdasarkan sifat fizikal dan ciri-cirinya.ii. Membandingkan dan membezakan ciri-ciri khas haiwan untuk melindungi diri.iii. Menjelaskan kepentingan haiwan.	<ul style="list-style-type: none">• Menjalankan aktiviti untuk membandingkan dan membezakan ciri-ciri khas haiwan.• Bercerita tentang kepentingan haiwan kepada manusia berdasarkan gambar.

Kosa kata istilah dan kata umum yang perlu dipelajari oleh murid:

mengecam, pola, siri, darab, pengurangan, bahagi, tambah, hubungan, tertib menaik, tertib menurun, nilai, nombor ganjil, nombor genap.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>7. Permainan Angka</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyebut dan menggunakan istilah dalam konteks; ii. Menyatakan ayat matematik dan bahasa yang betul dalam operasi mengira; iii. Mengenal pasti dan melengkapkan pola nombor; dan iv. Memerihalkan pola nombor. 	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyebut dan mengeja istilah dengan betul. ii. Menyatakan operasi mengira dengan menggunakan ayat matematik. iii. Menyatakan dan mengenal pasti pola nombor genap dan nombor ganjil. iv. Menyatakan pola nombor mengikut tertib menaik atau tertib menurun. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menerangkan operasi mengira dengan menggunakan ayat matematik dan bahasa yang betul. ii. Menerangkan dan melengkapkan pola nombor dengan bahasa yang betul. iii. Menerangkan pola nombor mengikut tertib menaik atau menurun. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menjelaskan dan menyelesaikan masalah operasi mengira. ii. Menjelaskan dan menyelesaikan operasi mengira melibatkan pola nombor. 	<ul style="list-style-type: none"> • Membuat cabutan bola bernombor (ganjil/genap) dan menyusunnya mengikut tertib menaik dan menurun. • Menyatakan pola nombor yang dibentuk dalam ayat matematik dan bahasa yang betul. Contoh: i) ayat matematik: 3, 7, 11, 15 ii) bahasa: polanya ialah menambahkan setiap nilai yang sama iaitu 4. • Menyelesaikan masalah permainan angka dan pola nombor mengikut tertib menaik dan tertib menurun.

Kosa kata istilah dan kata umum yang perlu dipelajari oleh murid:

alatan tangan, kotak alatan tangan, perkakas, kerja praktis, alat ganti, meminyak, penyenggaraan dan baik pulih, reja kain, kerja kayu, pokok hiasan, pokok renek, pokok penutup bumi, pokok bunga semusim, medium penanaman, tanah atas, pasir, baja organik, baja kimia, bekas tanaman, alat perkebunan, cangkul, pongkes, kereta sorong, sekateur, paku.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>8. Keceriaan Sekolah</p> <p>i. Menyebut dan menggunakan istilah dalam konteks;</p> <p>ii. Menyebut dan menyatakan alatan tangan untuk kerja kayu dan perkebunan;</p> <p>iii. Menerangkan cara membaik pulih kerosakan peralatan; dan</p> <p>iv. Menyatakan projek menanam pokok hiasan.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyebut dan mengeja istilah dengan betul.</p> <p>ii. Menyatakan jenis alatan tangan untuk kerja kayu dan perkebunan.</p> <p>iii. Menyatakan cara membaik pulih kerosakan peralatan di sekolah.</p> <p>iv. Menyatakan projek menanam pokok hiasan.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Menerangkan alatan tangan untuk kerja kayu dan perkebunan.</p> <p>ii. Menerangkan cara-cara membaik pulih kerosakan peralatan di sekolah.</p> <p>iii. Menjelaskan projek menanam pokok hiasan.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Menjelaskan cara membaik pulih kerosakan peralatan kayu di sekolah.</p> <p>ii. Menerangkan projek menanam pokok hiasan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti alatan tangan perkebunan di makmal kemahiran hidup sekolah. • Mengenal pasti alatan tangan penyenggaraan dan baik pulih perabot. • Menjalankan aktiviti dan kerja praktis membersihkan dan mencantikkan kawasan sekitar. • Menjalankan aktiviti membaik pulih perabot sekolah. • Menulis laporan tentang projek keceriaan di sekolah dan membentangkannya dalam kelas.

Kosa kata istilah dan kata umum yang perlu dipelajari oleh murid:

rantai makanan, siratan makanan, habitat, serangga, spesies, tabiat haiwan, karnivor, herbivor, omnivor.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota															
<p>9. Siratan Makanan</p> <p>i. Menyebut dan menggunakan istilah dalam konteks;</p> <p>ii. Menyatakan dan mengelaskan haiwan berdasarkan jenis makanannya;</p> <p>iii. Menerangkan rantai makanan;</p> <p>iv. Menjelaskan siratan makanan daripada rantai makanan; dan</p> <p>v. Menyatakan siratan makanan sebagai satu kitaran dalam kehidupan.</p>	<p>Aras 1</p> <p>i. Menyebut dan mengeja istilah dengan betul.</p> <p>ii. Menyatakan haiwan dan jenis makanannya.</p> <p>iii. Menyatakan rantai makanan sebagai hubungan makanan antara hidupan.</p> <p>iv. Menyatakan rantai makanan dalam siratan makanan.</p> <p>v. Menyatakan setiap hidupan saling memerlukan.</p> <p>Aras 2</p> <p>i. Mengelaskan haiwan berdasarkan jenis makanannya.</p> <p>ii. Melakar dan menerangkan rantai makanan.</p> <p>iii. Menerangkan hubungan rantai makanan dalam siratan makanan.</p> <p>iv. Menerangkan setiap hidupan saling bergantung.</p> <p>Aras 3</p> <p>i. Menjelaskan rantai makanan dalam siratan makanan.</p> <p>ii. Menjelaskan setiap hidupan saling bergantung.</p>	<ul style="list-style-type: none"> Menyanyikan lagu yang ada kaitan dengan siratan makanan. Contoh: Lagu “Bangau Oh Bangau” Menjalankan aktiviti permainan kata untuk mengetahui nama haiwan dan makanannya. Contoh: <table border="1" data-bbox="1402 727 2000 1038"> <thead> <tr> <th></th> <th>Haiwan</th> <th>Makanan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Murid A sebut</td> <td>Gajah</td> <td>Tebu</td> </tr> <tr> <td>Murid B sebut</td> <td>Harimau</td> <td>Kambing</td> </tr> <tr> <td>Murid C sebut</td> <td>Ular</td> <td>Tikus</td> </tr> <tr> <td>Murid D sebut</td> <td>Rusa</td> <td>Daun</td> </tr> </tbody> </table> <ul style="list-style-type: none"> Melukis rajah rantai makanan dan siratan makanan. Membincangkan tentang peranan setiap hidupan dalam siratan makanan. 		Haiwan	Makanan	Murid A sebut	Gajah	Tebu	Murid B sebut	Harimau	Kambing	Murid C sebut	Ular	Tikus	Murid D sebut	Rusa	Daun
	Haiwan	Makanan															
Murid A sebut	Gajah	Tebu															
Murid B sebut	Harimau	Kambing															
Murid C sebut	Ular	Tikus															
Murid D sebut	Rusa	Daun															

Kosa kata istilah dan kata umum yang perlu dipelajari oleh murid:

segi empat, segi empat sama, segi empat tepat, bulatan, segi tiga, segi tiga sama sisi, segi tiga sama kaki, segi tiga sudut tepat, sisi sama, sisi lurus, sisi melengkung, tiga sisi, empat sisi, piramid, tapak, silinder, kon, sfera, bucu, panjang, lebar, sudut, paksi, simetri, sudut tegak, jejari bulatan, diameter, lilitan, kubus, kuboid, satah, permukaan, ruang, dua matra, tiga matra.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
<p>10. Taman Permainan</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyebut dan menggunakan istilah dalam konteks; ii. Menyatakan bentuk geometri; iii. Mengenal pasti ciri-ciri bentuk dua matra dan tiga matra; dan iv. Menyatakan bentuk dan jenis permainan di taman permainan. 	<p>Aras 1</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menyebut dan mengeja istilah dengan betul. ii. Menyatakan bentuk geometri. iii. Menyatakan dan mengenal pasti ciri bentuk dua matra dan tiga matra. iv. Menyatakan bentuk dan jenis permainan di taman permainan. <p>Aras 2</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menerangkan bentuk geometri. ii. Menerangkan ciri-ciri bentuk dua matra dan tiga matra. iii. Menerangkan bentuk dan jenis permainan di taman permainan. <p>Aras 3</p> <ul style="list-style-type: none"> i. Menjelaskan bentuk geometri. ii. Menjelaskan ciri-ciri bentuk dua matra dan tiga matra. iii. Menjelaskan bentuk dan jenis permainan di taman permainan. iv. Menyatakan projek menanam pokok hiasan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti bongkah bentuk geometri dan bahan maujud. • Melukis bentuk dua matra dan tiga matra. contoh: <ul style="list-style-type: none"> i) bentuk dua matra: segi empat, segi empat sama ii) bentuk tiga matra: kon, kuboid • Melawat persekitaran sekolah untuk mengenal pasti bentuk geometri.

Kosa kata istilah dan kata umum yang perlu dipelajari oleh murid:

muka bumi, sempadan, daerah, mukim, muara, kuala, bandar raya, pinggir bandar, pusat bandar, pusat pentadbiran, mercu tanda, bangunan pencakar langit, kompleks beli-belah, pangsapuri, tempat ibadat, tempat rekreasi, lebuhraya, etnik, komposisi kaum, datuk bandar, penguat kuasa.

Hasil Pembelajaran	Huraian Hasil Pembelajaran	Cadangan Aktiviti / Nota
